

PELAJAR PSP TAMAT IJAZAH DI THE SHIP CAMPUS

6 November - Seluruh warga Politeknik Seberang Perai, mengucapkan sakalung tahniah atas kejayaan Prravan Kumaar A/L Nadarajah dalam menamatkan pengajian BSc Maritime Business and Logistics, di Peninsula College, The Ship Campus Batu Kawan dengan kerjasama Plymouth University UK yang berlangsung pada 5 November 2023.

Majlis penyampaian Ijazah ini disempurnakan oleh Professor Chris Bennewith, Executive Dean Faculty of Arts, Humanities and Business of University of Plymouth. Kejayaan ini adalah bukti kepada usaha keras dan ketekunan yang beliau tunjukkan sepanjang tempoh pengajian.

Prravan Kumaar, merupakan graduan Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan (DLS) PSP yang terpilih menerima tajaan biasiswa sepenuh masa daripada Yayasan PKT. Beliau memulakan pengajian di Peninsula College, The Ship Campus Batu Kawan pada September 2021. Pencapaian beliau adalah satu pencapaian yang membanggakan, dan ia adalah permulaan kepada banyak peluang yang menanti terutama di dalam industri maritim dan logistik yang sentiasa berkembang maju. Kegigihan dan tekad adalah kunci kepada kejayaan di samping pencapaian akademik beliau yang sangat cemerlang.

Terima kasih diucapkan kepada Yayasan PKT yang telah memberikan peluang kepada beliau untuk mengejar impian dalam bidang ini. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin dan pembakar semangat kepada pelajar-pelajar yang lain. Teruskan usaha anda, dalam mencapai kejayaan yang lebih besar dalam industri maritim dan logistik.



